



## PERAKUAN PENDAFTARAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL

*Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil*

*9(1), 26(1) dan 26(2)*

**KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

*telah didaftarkan di bawah*

*subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.*

*Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini*

*dua puluh satu haribulan April tahun dua ribu dua puluh dua.*

(HAJI ZAZALI BIN HARON)  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

(ZAINUDDIN BIN MOHD ALI)  
Setiansaha  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

No. Daftar: 4369

Ruj: SKM.IP.(PEND)W-49/(51)



**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

<b>UNDANG-UNDANG KECIL ASAL</b>	<b>UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN</b>
<p><b>Aktiviti</b></p> <p>9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi yang tersebut di dalam Undang-undang Kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:</p> <p>(a) Mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatannya dan memberi pinjaman-pinjaman kepada mereka bagi maksud yang berfaedah;</p> <p>(b) menjalankan perniagaan pasar mini;</p> <p>(c) memiliki tanah dan mendirikan bangunan atau rumah-rumah kediaman untuk anggota atau membeli rumah-rumah dan tapak rumah serta menjual, memajak, mencagar, memindahkan tanah dan rumah-rumah itu kepada anggota-anggota;</p>	<p><b>Aktiviti</b></p> <p>9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi yang tersebut di dalam Undang-undang Kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan -</p> <p>(a) menjalankan aktiviti-aktiviti berikut</p> <p>(i) mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatannya dan memberi pinjaman-pinjaman kepada mereka bagi maksud yang berfaedah;</p> <p>(ii) menjalankan perniagaan pasar mini;</p> <p>(iii) memiliki tanah dan mendirikan bangunan atau rumah-rumah kediaman untuk anggota atau membeli rumah-rumah dan tapak rumah serta menjual, memajak, mencagar, memindahkan tanah dan rumah-rumah itu kepada anggota-anggota;</p>

Didaftarkan pada hari ini ..... tahun 2002

(HAJI ZAZALI BIN HARON)  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

<b>UNDANG-UNDANG KECIL ASAL</b>	<b>UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN</b>
<p>(d) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta-harta alih dan harta-harta tak alih;</p> <p>(e) menjalankan urusniaga pajak gadai islam (ar-rahnu);</p> <p>(f) melaburkan wang berlebihan dalam perkara-perkara yang di benarkan di bawah seksyen 54 Akta;</p> <p>(g) mengadakan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta dengan kebenaran Suruhanjaya;</p> <p>(h) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain;</p> <p>(i) mengadakan aktiviti lain yang berfaedah dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.</p>	<p>(iv) menjalankan urusniaga pajak gadai Islam (Ar-Rahnu); dan</p> <p><b>(v) menjalankan aktiviti perniagaan, perdagangan dan pelancongan;</b></p> <p>(b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;</p> <p>(c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta-harta alih dan harta-harta tak alih;</p> <p>(d) melaburkan wang berlebihan dalam perkara-perkara yang di benarkan di bawah seksyen 54 Akta;</p> <p>(e) mengadakan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta dengan kebenaran Suruhanjaya;</p> <p>(f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain;</p>

**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN
<p><b>Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan</b></p> <p>26. (1) Bagi maksud Seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan-kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lima puluh anggota.</p> <p>(2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut:</p> <p>(a) bagi tiap-tiap lima puluh orang anggota, seorang perwakilan;</p> <p>(b) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi satu ratus orang.</p> <p>(3) Notis bagi mesyuarat agung kawasan hendaklah—</p> <p>(i) diberi kepada anggota layak dan tinggal dalam sesuatu kawasan tidak kurang daripada lima belas hari sebelum</p>	<p><b>Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan</b></p> <p>26. (1) Bagi maksud Seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan-kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan..</p> <p><b>(2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan adalah seperti berikut :-</b></p> <p>(a) bilangan anggota seorang sehingga empat puluh sembilan orang, seorang perwakilan;</p> <p>(b) bilangan anggota lima puluh orang dan keatas adalah setiap lima puluh orang, satu perwakilan.</p> <p>(c) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi satu ratus orang.</p> <p>(3) Notis bagi mesyuarat agung kawasan hendaklah—</p> <p>(i) diberi kepada anggota layak dan tinggal dalam sesuatu kawasan tidak kurang</p>

**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

<p>diadakan mesyuarat agung itu;</p> <p>(ii) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat;</p> <p>(iii) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang menasabah;</p>	<p>dari pada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu;</p> <p>(ii) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat;</p> <p>(iii) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang menasabah;</p>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan **Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad** pada **Lima Belas** haribulan **Ogos** tahun **Dua Ribu Dua Puluh**.



(Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani)  
Pengerusi



(Zulfakar Bin Wahib)  
Setiausaha



(Abdul Rahim Bin Llin)  
Bendahari